



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

YBHG. DATUK AZMAN BIN MOHD. YUSOF

KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SEMPENA

MAJLIS MAKAN MALAM

**PERSIDANGAN ANTARABANGSA: SEJARAH KEDAH TUA
BERDASARKAN CATATAN YI-JING**

10 JULAI 2024 (RABU)

8.00 MALAM

**MEMORIAL TUN HUSSEIN ONN
KUALA LUMPUR**

Terima kasih saudari pengacara majlis
Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI

[*Salutasi akan dikemukakan secara berasingan*]

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan rasa syukur kepada Tuhan kerana dapat bersama-sama dalam majlis makan malam ini. Saya ingin mengucapkan selamat datang ke Malaysia bagi delegasi dari China. Saya ingin mengalu-alukan kahadiran Ms. Cao Jinping, Master Shi Changjing dan Profesor Chen Jian dan seluruh delegasi dari China ke majlis pada malam ini.
2. Majlis makan malam ini diadakan sebagai tanda persahabatan yang terjalin antara Malaysia dan China bersempena sambutan ke-50 Tahun Hubungan Diplomatik Malaysia-China dan meraikan rakan-rakan kita yang telah menunjukkan minat dan komitmen dalam menjayakan Persidangan Antarabangsa Sejarah Kedah Tua ini.

HUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA-CHINA

3. Kita sedia maklum bahawa hubungan antara Malaysia dengan China telah termetri sejak berkurun dahulu dan termaktub dalam lipatan sejarah negara dan pada tahun ini kita menyambut ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik ini. Ini menunjukkan bahawa kita sememangnya telah mempunyai hubungan yang erat.

4. Hubungan yang terjalin antara kedua-dua negara selama beberapa dekad menyaksikan kemajuan yang luar biasa terutama dalam perdagangan dan industri. Dengan berpegang pada prinsip saling menghormati, saling mempercayai, saling menguntungkan serta masa depan yang dikongsi bersama, hubungan China dan Malaysia sentiasa berada di barisan hadapan dalam hubungan China dengan negara-negara ASEAN.
5. Terdapat banyak ruang dan peluang untuk kita bekerjasama dan berkolaborasi dalam bidang-bidang berkaitan permuziuman, pengarkiban dan sebagainya yang boleh memberi manfaat kepada kedua-dua negara. Saya juga berharap kita boleh meneroka bidang-bidang lain berkaitan teknologi seperti kecerdasan manusia, pendigitalan, pemuliharaan dan konservasi bahan dan lain-lain.
6. Selain itu, saya percaya kedua-dua buah negara akan terus memperkasa kerjasama dalam perlbagai bidang termasuk pendidikan, sains dan teknologi, pendidikan, pelancongan dan kebudayaan.

PENUTUP

7. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengalukan kehadiran delegasi China ke majlis makan malam ini dan ke Persidangan Antarabangsa: Sejarah Kedah Tua Berdasarkan Catatan Yi-Jing pada esok hari. Saya berharap para delegasi semua akan mendapat pengalaman yang indah dan bermakna sepanjang berada di Malaysia.

8. Akhir kata, terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menyelaras dan menjayakan majlis makan malam ini.

Sekian, terima kasih.